



# Tatakelakuan dan Etika Perniagaan



IntegrityLine:

1-877-272-9726 (A.S dan Kanada)  
[www.airproducts.com/integrityline](http://www.airproducts.com/integrityline)  
untuk nombor laporan tempatan dan arahan



IntegrityOnline: [www.airproducts.com/integrityonline](http://www.airproducts.com/integrityonline)

# Gambaran Keseluruhan

**Integriti ialah nilai teras Air Products dan kita tidak boleh mengkompromikannya.** Pelanggaran etika tidak akan diterima. Anda hendaklah melaporkan sebarang aduan, kebimbangan atau kecurigaan tentang ketidakpatuhan kepada Tatakelakuan dan Etika Perniagaan ("Kod") ini.

Sebagai syarikat multinasional, Air Products tertakluk kepada pelbagai undang-undang, aturan dan peraturan. Ia menjadi tanggungjawab setiap kakitangan di seluruh dunia untuk melindungi Syarikat kita dengan kelakuan yang mematuhi semua yang tersurat dan tersirat dalam Kod ini, serta semua undang-undang yang berkenaan dan dengan melaporkan sebarang kebimbangan tentang pematuhan.

Semak Kod dan semua dasar, prosedur dan dokumen yang berhubungan dan berkaitan dengan jawatan dan peranan anda. Gunakan pertimbangan yang waras dan elakkan kelihatan berkelakuan tidak wajar. Pada masa tertentu, anda mungkin menghadapi situasi yang tidak terangkum dalam Kod ini. Sekiranya anda ragu-ragu tentang tindakan yang perlu diambil, tanya diri anda:

- Adakah ia konsisten dengan Kod ini?
- Adakah ia beretika?
- Adakah ia sah di sisi undang-undang?
- Adakah ia akan memberi gambaran yang baik kepada diri saya dan Air Products?
- Adakah saya akan berasa senang jika semua orang tahu mengenainya?

Jika jawapan kepada mana-mana soalan ini ialah "Tidak", jangan lakukannya.

Sekiranya anda mempunyai soalan, sila minta bimbingan daripada pengurus anda atau Kumpulan Undang-undang. Tidak mengetahui Kod, undang-undang, atau dasar, piawaian, panduan dan prosedur untuk peranan anda tidak boleh menjadi alasan untuk melakukan pelanggaran. Kami percaya bahawa setiap pekerja adalah pemimpin, tanpa mengira kerja, jawatan atau fungsi anda. Dengan mematuhi Kod kita, anda akan menjadi teladan kepada rakan sekerja anda, rakan perniagaan, pelanggan dan individu lain yang bekerjasama dengan anda setiap hari.

## Penerapan di Seluruh Dunia

Kod ini akan dikenakan kepada semua pekerja sepenuh masa dan sambilan Syarikat di semua operasi di seluruh dunia, Lembaga Pengarah Syarikat serta syarikat subsidiari, sekutu, unit operasi dan bahagian-bahagian di seluruh dunia. Penggunaan perkataan "Syarikat" dalam Kod ini merujuk secara kolektif kepada semua entiti ini.

Walaupun Kod ini ditulis secara khusus untuk pekerja Syarikat dan ahli Lembaga Pengarah, kami juga mengharapkan ejen, perunding, kontraktor, pengedar, rakan usaha sama dan pihak ketiga lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan kami untuk mematuhi piawaian ini. Kegagalan mana-mana pihak ketiga Air Products untuk mematuhi Kod ini boleh mengakibatkan penamatkan hubungan mereka dengan Air Products, tindakan disiplin untuk penaja Air Products yang mengurus hubungan tersebut dan pendedahan undang-undang bagi Syarikat. Jika anda adalah penaja dalaman untuk hubungan perniagaan pihak ketiga, ia menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan pihak ketiga tersebut bertindak dengan mematuhi Kod ini.

Kod ini diterjemahkan ke dalam 20 bahasa untuk memastikan semua pekerja memahaminya. Oleh kerana kami adalah syarikat dari A.S., pekerja kami di seluruh dunia lazimnya tertakluk kepada undang-undang A.S. — walaupun perlakuan berlaku di luar A.S. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan di negara anda lebih ketat daripada peraturan dalam Kod ini, ikut undang-undang tempatan dan dapatkan panduan daripada Kumpulan Perundangan jika anda mempunyai sebarang soalan.

## Mendapatkan Bantuan dan Melaporkan Pelanggaran

Anda harus melaporkan sebarang salah laku atau pelanggaran etika. Dalam kebanyakan kes, pengurus anda merupakan orang hubungan pertama. Pengurus anda mungkin berada dalam kedudukan terbaik untuk memahami kebimbangan anda dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekiranya anda tidak selesa untuk berbincang dengan pengurus anda, atau jika anda telah berkongsi kebimbangan dan berasa ia tidak ditangani dengan sewajarnya, hubungi Kumpulan Perundangan, Ketua Pegawai Pematuhan, Audit Korporat, atau mana-mana eksekutif syarikat.

Sesiapa sahaja boleh membuat laporan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, kepada IntegrityLine, iaitu talian penting percuma yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Dengan menggunakan IntegrityLine, pemanggil boleh bercakap (biasanya dalam bahasa tempatan mereka) dengan wakil yang akan merekodkan kebimbangan mereka, menerangkan langkah-langkah seterusnya dan melaporkan isu untuk tindakan susulan selanjutnya. Sebagai tambahan, sesiapa sahaja boleh membuat laporan melalui laman web IntegrityOnline yang tersedia dalam pelbagai bahasa, dari mana-mana sambungan Internet.

Anda boleh melaporkan pelanggaran yang mungkin melalui IntegrityLine atau IntegrityOnline tanpa menyatakan nama anda; walau bagaimanapun, memberikan identiti anda membolehkan Kumpulan Perundangan untuk menghubungi anda jika maklumat lanjut diperlukan untuk meneruskan penyiasatan. Kami hanya mendedahkan maklumat kepada mereka yang memerlukannya untuk menyelesaikan sesuatu isu dan anda akan diberikan kerahsiaan maksimum yang mungkin selaras dengan penguatkuasaan Kod ini. Anda hendaklah bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana penyiasatan yang dijalankan menurut pelanggaran Kod yang disyaki.

Kami melarang dengan tegas sebarang tindakan balas dalam apa jua bentuk terhadap seseapa yang membuat laporan benar tentang pelanggaran Kod yang disyaki. Tindakan disiplin akan diambil terhadap seseapa yang bertindak balas secara langsung atau tidak langsung terhadap mana-mana individu yang membuat laporan dengan niat baik tentang pelanggaran yang sebenar atau yang disyaki. Jika anda mengetahui atau mengesyaki bahawa tindakan balas telah diambil atau sedang berlaku, anda harus melaporkannya. Menghalang pekerja lain daripada membuat laporan adalah dilarang dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin.



**IntegrityLine:** 1-877-272-9726 (A.S dan Kanada)  
[www.airproducts.com/integrityline](http://www.airproducts.com/integrityline)  
untuk nombor laporan tempatan dan arahan



**IntegrityOnline:** [www.airproducts.com/integrityonline](http://www.airproducts.com/integrityonline)

**Panduan untuk Pengurus:** Jika seseorang pekerja menimbulkan persoalan atau kebimbangan kepada anda berkenaan Kod ini, dengar dengan teliti dan berikan perhatian penuh kepada pekerja tersebut. Minta penjelasan dan maklumat tambahan. Jawab sebarang soalan jika boleh tetapi jangan rasa bahawa anda perlu memberikan jawapan dengan segera. Dapatkan bantuan jika anda memerlukannya. Jika seseorang pekerja menimbulkan kebimbangan yang mungkin memerlukan penyiasatan di bawah Kod, hubungi Kumpulan Perundangan, Ketua Pegawai Pematuhan, Audit Korporat atau mana-mana eksekutif Syarikat.

**Tuduhan Palsu:** Syarikat akan melindungi mana-mana pekerja yang membangkitkan kebimbangan dengan jujur tetapi membuat tuduhan palsu secara sengaja, berbohong kepada penyiasat, atau mengganggu atau enggan bekerjasama dalam siasatan Kod merupakan pelanggaran Kod. Laporan yang jujur tidak bermakna anda harus benar apabila membangkitkan kebimbangan; anda hanya perlu percaya dengan benar bahawa maklumat yang anda berikan adalah tepat.

## Penalti

Kegagalan untuk mematuhi Kod ini boleh mendatangkan akibat yang serius kepada kedua-dua orang yang melakukan pelanggaran dan bagi Syarikat dan dalam semua keadaan boleh menjaskan imej, reputasi dan masa depan Syarikat kita dengan teruk.

Sesiapa yang melanggar Kod ini mungkin tertakluk kepada penamatian pekerjaan, pendakwaan jenayah dan tindakan undang-undang oleh Syarikat.

**Panduan untuk Pengurus:** Jika anda memegang peranan pengurusan, anda mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menggalakkan budaya etika dan pematuhan serta menetapkan teladan bagi kelakuan yang sesuai pada setiap masa. Pengurus hendaklah membantu pekerja menyemak, memahami dan mengamalkan Kod ini. Pengurus yang gagal menangani pelanggaran yang dilakukan oleh pekerja mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin dan akan menghadapi liabiliti peribadi. Ini bermaksud pengurus harus melaporkan salah laku oleh pekerja di bawah penyeliaan mereka.

## Pensijilan Pekerja

Anda dikehendaki untuk mematuhi Kod ini, melengkapkan latihan mandatori setiap tahun dan mengesahkan pemahaman dan pematuhan anda kepada Kod ini. Latihan dan pensijilan Tatakelakuan tahunan kini digabungkan menjadi satu program dalam talian yang komprehensif yang perlu dilengkapkan setiap tahun.

# Tatakelakuan

---

- |  |   |
|--|---|
| 1. Konflik Kepentingan                                   | 15. Berkomunikasi dengan Berhati-hati                 |
| 2. Penipuan  | 16. Privasi   |
| 3. Rasuah dan Sogokan                                    | 17. Sumbangan Politik dan Melobi                      |
| 4. Bayaran kepada Pegawai Kerajaan                       | 18. Media Sosial dan Komunikasi Awam                  |
| 5. Pemberian Hadiah, Perbelanjaan Perjalanan dan Hiburan | 19. Peluang Pekerjaan Saksama dan Pencegahan Gangguan |
| 6. Ketepatan Perakaunan dan Laporan Kewangan             | 20. Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan           |
| 7. Undang-Undang Persaingan                              | 21. Keganasan di Tempat Kerja                         |
| 8. Urusan Adil   | 22. Penyalahgunaan Bahan                              |
| 9. Undang-undang Antiboikot                              | 23. Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat     |
| 10. Undang-Undang Import/Eksport                         | 24. Audit dan Penyiasatan                             |
| 11. Maklumat Orang Dalam                                 | 25. Antitindakan Balas                                |
| 12. Maklumat Sulit dan Proprietari                       | 26. Tanggungjawab Lembaga dan Penepian                |
| 13. Aset Syarikat  |   |
| 14. Pengurusan Rekod                                     |   |
- 

## 1. Konflik Kepentingan

Sebagai pekerja, anda mempunyai kewajipan untuk bekerja bagi pihak kepentingan terbaik Syarikat dan mesti mengelakkan situasi yang melibatkan, atau kelihatan seperti melibatkan konflik kepentingan. Jika anda rasa sesuatu aktiviti peribadi, pelaburan, minat atau hubungan boleh menjelaskan atau mungkin kelihatan seperti akan menjelaskan objektiviti atau keupayaan anda untuk membuat keputusan perniagaan yang adil bagi pihak Syarikat, dedahkannya dengan segera kepada Kumpulan Perundangan atau Jabatan Audit Korporat. Kebanyakan konflik boleh dielak atau ditangani dengan mudah jika ia didedahkan dengan segera dan diuruskan dengan betul.

Ketahui kemungkinan konflik apabila anda melihatnya. Konflik boleh berlaku apabila:

- Anda menyelia, bekerja atau menjalankan perniagaan dengan seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan anda.
- Anda melabur dalam salah satu pembekal, pelanggan, rakan perniagaan, atau pesaing kita.
- Anda memiliki atau bekerja untuk syarikat yang bersaing, menjalankan perniagaan atau mahu melakukan perniagaan dengan Air Products. Berkhidmat dalam peranan penasihat atau dalam lembaga pengarah bagi syarikat sedemikian juga boleh menimbulkan konflik.
- Anda menggunakan nama, harta atau maklumat Air Products tanpa persetujuan, untuk menyokong organisasi amal, profesional atau komuniti.
- Anda mengambil peluang perniagaan yang dimaksudkan untuk Air Products, walaupun anda rasa Air Products tidak menginginkan peluang tersebut.

Ia mustahil untuk menyenaraikan setiap situasi yang boleh menimbulkan konflik. Ingat, apa-apa yang menimbulkan konflik kepada anda juga akan menimbulkan konflik kepada keluarga terdekat anda. Sekiranya anda tidak pasti sesuatu keadaan akan menimbulkan konflik, anda boleh bertanya kepada Kumpulan Perundangan atau Jabatan Audit Korporat.

## 2. Penipuan

Penipuan adalah tindakan (atau pengabaian) yang sengaja dilakukan untuk menguntungkan diri sendiri atau orang lain atau Syarikat atau untuk mengelak kewajipan atau tanggungjawab. Ia berbeza daripada kesilapan kerana ia dilakukan dengan sengaja. Kami melarang semua penipuan.

Istilah "penipuan" merangkumi sebarang:

- perbuatan yang tidak jujur atau menipu;
- penyalahgunaan atau penyelewengan dana;
- penggelapan wang;
- pemalsuan atau pengubahan instrumen boleh niaga seperti cek dan draf Syarikat;
- pelesapan aset Syarikat, pekerja, pelanggan, rakan kongsi atau pembekal;
- penukaran wang tunai, sekuriti, bekalan, harta, atau aset Syarikat yang lain kepada penggunaan peribadi;
- pengendalian atau pelaporan urus niaga Syarikat yang tidak dibenarkan; dan
- pemalsuan rekod Syarikat atau penyata kewangan secara sengaja.

Senarai di atas tidak merangkumi semua situasi tetapi bertujuan untuk mewakili situasi-situasi yang melibatkan penipuan. Anda hendaklah melaporkan sebarang penipuan yang sebenar atau yang disyaki dengan segera menggunakan mana-mana saluran laporan di atas.

## 3. Rasuah dan Sogokan

Anda dilarang daripada menawarkan, membuat, atau menerima apa-apa yang bernilai bagi pihak Syarikat atau berhubung dengan perniagaan Syarikat. Rasuah menyalahi undang-undang, tidak beretika dan dilarang oleh Kod ini. Rasuah boleh mengambil beberapa bentuk: "apa-apa yang bernilai" bermaksud apa-apa yang mungkin bernilai, termasuk wang tunai, hadiah, makanan, hiburan, peluang perniagaan, pinjaman atau rebat, sumbangan kepada parti politik, produk Syarikat, tawaran pekerjaan, dan banyak lagi. Tiada batas monetari: sebarang jumlah boleh ditafsirkan sebagai rasuah jika ia ditawarkan sebagai pertukaran untuk keputusan atau layanan yang disenangi. "Benda bernilai" itu tidak perlu diberikan; janji atau tawaran sahaja adalah dilarang. Larangan ini terpakai tanpa mengira negara di mana pembayaran dibuat, dan tanpa mengira sama ada penerima adalah pegawai kerajaan atau rakyat biasa.

Sebagai syarikat A.S., kita perlu mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing A.S. ("FCPA"). Untuk memastikan kita mematuhi FCPA, kami secara amnya menjalankan penilaian usaha wajar berdasarkan risiko ke atas semua rakan kongsi yang berpotensi sebelum mewujudkan hubungan. Anda perlu memaklumkan Syarikat tentang hubungan perniagaan baru yang berpotensi dan memberikan maklumat yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat melengkapkan usaha wajar.

Kebanyakan negara di mana kita beroperasi telah mengamalkan undang-undang yang bertujuan untuk memerangi rasuah. Sesetengah undang-undang ini mempunyai kesan luar wilayah, bermaksud ia boleh dikuatkuasakan walaupun perbuatan yang dipersoalkan berlaku di luar sempadan negara-negara ini. Sebelum melakukan perniagaan di luar negara anda, anda perlu mempunyai pengetahuan tentang undang-undang dan dasar negara-negara di mana anda akan menjalankan perniagaan. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan, hubungi Kumpulan Perundangan.

## 4. Bayaran kepada Pegawai Kerajaan

Walaupun Syarikat melarang semua kegiatan rasuah, penting untuk mengetahui bahawa undang-undang antirasuah di seluruh dunia memberikan penalti sivil dan jenayah yang serius untuk pemberian atau penerimaan "apa-apa yang bernilai" kepada/daripada pegawai kerajaan. Pelanggaran undang-undang ini boleh memberi kesan yang teruk kepada Syarikat serta pekerja individu yang terlibat. Dalam apa-apa keadaan sekalipun, anda tidak dibenarkan membuat pembayaran kepada pekerja atau pegawai kerajaan atau calon politik untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan.

Definisi "pegawai kerajaan" adalah luas dan boleh merangkumi individu yang bekerja di mana-mana entiti atau institusi awam atau yang melakukan sebarang tindakan rasmi bagi pihak kerajaan, tanpa mengira status atau kekananannya. Pegawai kerajaan juga merangkumi pegawai dan pekerja syarikat milik kerajaan atau di bawah kawalan kerajaan ("SOE"). Syarikat beroperasi di beberapa buah negara di mana SOE adalah lazim.

Sebagai Syarikat, kita juga bertanggungjawab ke atas tindakan perantara pihak ketiga ("TPI") yang bertindak bagi pihak kita. TPI merangkumi rakan usaha sama, ejen, pengedar, pekerja penyedia perkhidmatan luar, atau subkontraktor yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak kita. TPI dilarang membayar rasuah atau membuat pembayaran tidak wajar kepada sesiapa sahaja bagi pihak Syarikat. Jika anda adalah penaja dalaman untuk TPI, menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan TPI memahami Kod ini dan bertindak mematuhi Kod ini. Kegagalan untuk memantau TPI atau melaporkan isu dengan memuaskan merupakan pelanggaran Kod ini. Anda tidak sepatutnya memberi pembayaran kepada TPI jika anda mengetahui atau mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai mana-mana bahagian pembayaran tersebut akan diserahkan kepada pekerja atau pegawai kerajaan atau calon politik, atau sebaliknya dilakukan untuk tujuan membayar rasuah atau melakukan pembayaran tidak wajar kepada mana-mana individu, sama ada ia merupakan seorang pegawai kerajaan atau tidak.

Anda dilarang membuat bayaran pemudahan kepada mana-mana pegawai kerajaan, di mana ia bertujuan untuk mempercepatkan atau menjamin pelaksanaan tindakan kerajaan rutin yang tidak mengikut budi bicara oleh pegawai tersebut. TPI juga tidak boleh membuat pembayaran sedemikian bagi pihak Syarikat.

## 5. Perbelanjaan Hadiah, Perjalanan dan Hiburan

Anda tidak boleh menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai yang kelihatan seperti percubaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau yang mungkin kelihatan seperti rasuah atau ganjaran. Jangan berikan sebarang hadiah, layanan mesra, perjalanan atau hiburan yang mewah atau kerap kepada pihak ketiga. Anda dilarang sama sekali daripada memberi atau menerima wang tunai. Jangan berikan sebarang hadiah kepada pekerja kerajaan tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pengurus terdekat anda dan wakil Kumpulan Perundangan.

Peruntukan Kod ini tidak melarang pemberian atau penerimaan makanan, hiburan dan hadiah perniagaan yang munasabah dan lazim, yang tidak mempengaruhi keputusan perniagaan dan mematuhi semua dasar dan prosedur Syarikat. Beberapa ciri pemberian hadiah yang sesuai adalah apabila hadiah diberikan secara terbuka dan telus, direkod dengan betul dalam buku dan rekod pemberi, dibuat tanpa sebarang balasan, diberi untuk mencerminkan rasa hormat atau penghargaan, tidak besar atau mewah, dan dibenarkan di bawah undang-undang tempatan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Prosedur Pematuhan Antirasuah mengenai Pemberian Hadiah, Makanan atau Hiburan, Prosedur 01-601.

## 6. Ketepatan Perakaunan dan Laporan Kewangan

Syarikat memfailkan laporan kewangan dan dokumen lain yang lengkap dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S., dan juga mendedahkan maklumat kewangan dalam penyata dan komunikasi awam yang lain. Laporan, dokumen dan komunikasi lain ini hendaklah mengandungi pendedahan yang lengkap, adil, tepat, segera dan dapat difahami. Penyediaan bahan-bahan berkenaan memerlukan Syarikat mengekalkan rekod kewangan terperinci yang tepat dan munasabah serta sistem kawalan dalaman yang teguh. Sehubungan itu, anda tidak boleh sengaja memberikan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat, atau sengaja meninggalkan maklumat, kewangan atau sebaliknya, kepada mana-mana pegawai Syarikat.

Anda perlu menyediakan semua rekod perniagaan dengan tepat (meliputi contohnya, catatan perakaunan, invois, laporan perbelanjaan, gaji, laporan kewangan) dan merekodkan semua transaksi kewangan tepat pada masanya. Sekalipun anda tidak bertanggungjawab secara langsung untuk penyediaan pendedahan atau laporan kewangan, anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa peristiwa dan fakta yang relevan dalam bahagian tanggungjawab anda disampaikan tepat pada masanya apabila diminta oleh kakitangan Syarikat yang sewajarnya.

Sekiranya anda mempunyai sebab untuk mengesyaki buku dan rekod Syarikat adalah tidak tepat atau mematuhi keperluan yang dinyatakan di atas, anda perlu melaporkannya dengan segera, sama ada dengan mengikuti prosedur "Pelaporan Pelanggaran" yang dinyatakan di atas atau dengan menghubungi terus mana-mana ahli Jawatankuasa Audit dan Kewangan Lembaga Pengarah atau Jabatan Audit Korporat Syarikat. Anda boleh membuat penyerahan secara rahsia dan tanpa nama terus kepada Jawatankuasa Audit dan Kewangan dengan mengalamatkan surat-menyerat kepada:

"Corporate Secretary's Office, Air Products and Chemicals, Inc., 1940 Air Products Blvd. Allentown, PA 18106-5500" dan menandakan sampul surat dengan perkataan "SULIT".

## **7. Undang- undang Persaingan**

Semua pekerja perlu mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan di seluruh dunia yang melarang perjanjian atau tindakan yang boleh menghalang perdagangan atau mengurangkan persaingan. Anda dilarang sama sekali mengikat sebarang perjanjian formal atau tidak formal dengan pesaing, secara bertulis atau lisan, untuk (1) menetapkan atau mengawal harga atau terma, (2) memboikot pembekal atau pelanggan tertentu, (3) mengagihkan produk, wilayah atau pasaran, atau (4) mengehadkan pengeluaran atau penjualan produk dalam mana-mana pasaran.

Undang-undang antitrust atau persaingan di kebanyakan negara mempunyai kesan luar wilayah, bermaksud ia digunakan walaupun kelakuan antipersaingan yang menyebabkan masalah yang didakwa berlaku di negara lain.

Elakkan daripada membincangkan maklumat sensitif yang kompetitif dalam situasi di mana terdapat hubungan rapat dengan pesaing, seperti usaha sama, perbincangan pemerolehan dan divestitur, kehadiran di persatuan perdagangan dan pameran perdagangan, penglibatan dalam penyumberan produk, pertemuan di lokasi pelanggan dan dalam talian melalui media sosial atau platform komunikasi lain. Jangan mencari atau menyampaikan maklumat sulit pesaing, pembekal, pelanggan, atau rakan perniagaan lain. Undang-undang di kebanyakan negara mengenakan hukuman jenayah yang teruk bagi individu atau organisasi yang menerima atau menyampaikan rahsia perdagangan yang tidak sepatutnya. Sekiranya keadaan memerlukan perkongsian maklumat, dapatkan nasihat Kumpulan Perundangan terlebih dahulu mengenai perjanjian kerahsiaan yang diperlukan.

## **8. Urusan Adil**

Kita semua harus berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, pesaing Syarikat dan semua rakan sekerja kita. Tiada sesiapa yang harus mengambil kesempatan ke atas orang lain atau situasi dengan manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat terlindung, salah nyata fakta, atau sebarang amalan urusan yang tidak adil.

## **9. Undang-undang Antibokot**

Undang-undang antibokot A.S. melarang syarikat daripada menyertai sebarang boikot antarabangsa yang tidak dibenarkan oleh kerajaan A.S. Anda tidak boleh terlibat dalam sebarang perniagaan yang menyokong apa-apa boikot yang tidak sah. Jika anda menerima dokumen yang mengandungi sebarang bahasa boikot, sama ada sebagai sebahagian daripada kontrak atau tidak, kenal pasti dan laporkannya kepada Kumpulan Perundangan Syarikat. Penerimaan permintaan untuk maklumat tersebut sahaja - walaupun Syarikat tidak memberi maklum balas - perlu dilaporkan kepada agensi kerajaan A.S. Jangan balas, sama ada secara lisan atau bertulis kepada sebarang permintaan boikot sedemikian.

## **10. Undang-undang Import/Eksport**

Sebagai syarikat global, kita perlu mematuhi semua undang-undang, aturan dan peraturan perdagangan tempatan, serantau dan antarabangsa yang berkenaan. Kita menghormati sekatan perdagangan dan sekatan import/eksport. Pastikan apa-apa yang dimaksudkan untuk import atau eksport dikelaskan dengan betul sebelum import atau eksport. Juga, pastikan negara asal, destinasi, penggunaan akhir, dan pengguna akhir dinyatakan dengan betul. Pastikan juga import dan eksport menyertakan semua dokumentasi, pelabelan, pelesenan, permit dan kelulusan yang diperlukan. Isytiharkan dan nyatakan nilai import dan eksport dengan tepat dan telus kepada pihak berkuasa Kastam.

Syarikat tidak boleh mengimport atau mengeksport barang, perkhidmatan atau teknologi ke negara-negara yang ditetapkan sebagai "diembargo" di bawah undang-undang A.S. dalam apa keadaan sekalipun. Pelanggaran boleh mengakibatkan penalti jenayah dan sivil ke atas Syarikat dan pekerja, pegawai, dan pengarah individu. Ia juga boleh menyebabkan rampasan barang dan larangan ke atas keupayaan kita untuk menjalankan perniagaan.

Semua pekerja perlu membantu memastikan integriti rantaian bekalan kita. Jika anda bekerja dengan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan atas nama Syarikat, Syarikat menghendaki anda menyampaikan dasar kita kepada mereka. Usaha wajar dan penyaringan pelanggan, pembekal dan rakan niaga baharu, sebelum mewujudkan perjanjian, adalah penting untuk memastikan pematuhan undang-undang yang mengawal selia perdagangan antarabangsa.

Dapatkan panduan daripada Kumpulan Perundangan dan/atau Kumpulan Pematuhan Perdagangan untuk sebarang soalan anda. Semua aktiviti yang melibatkan negara disekat hendaklah disemak oleh Kumpulan Perundangan dan/atau Kumpulan Pematuhan Perdagangan sebelum sebarang aktiviti tersebut dimulakan.

## **11. Maklumat Orang Dalam**

Sebagai syarikat awam A.S., kita perlu mematuhi undang-undang sekuriti A.S. Ini termasuk larangan "perdagangan orang dalam," iaitu pembelian atau penjualan sekuriti syarikat yang dibuat dengan pengetahuan tentang maklumat penting mengenai syarikat yang tidak diketahui oleh orang ramai. Maklumat "penting" merangkumi apa-apa yang mungkin mempengaruhi keputusan pelabur yang berpotensi untuk membeli atau menjual sekuriti, seperti maklumat mengenai bakal pengambilalihan atau divestitur, hasil atau unjuran pendapatan korporat, perolehan atau kehilangan kontrak penting dan perubahan yang dirancang dalam pengurusan kanan. Penglibatan dalam urus niaga sedemikian bukan sahaja melanggar dasar Syarikat tetapi juga merupakan jenayah.

Jika anda mempunyai akses kepada maklumat bukan awam yang penting, sama ada ia berkaitan dengan Air Products atau syarikat lain, meliputi tetapi tidak terhad kepada pesaing, pelanggan, pembekal atau rakan perniagaan lain, anda dilarang membeli atau menjual sekuriti Air Products atau syarikat lain sehingga sekurang-kurangnya satu hari perniagaan selepas maklumat berkenaan didedahkan kepada orang ramai melalui siaran akhbar, pemfailan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. atau pengumuman awam yang serupa. Dasar Syarikat ini digunakan untuk sekuriti ekuiti, seperti saham biasa dan sekuriti hutang, serta untuk menjual dan membeli opsyen, perintah untuk membeli atau menjual saham, dan sekuriti hutang yang boleh ditukar menjadi stok.

Jika anda mempunyai maklumat bukan awam yang penting, anda tidak boleh berdagang sekuriti Syarikat sama ada secara langsung atau dalam pelan persaraan dan simpanan anda. Jika anda tidak boleh membuat perdagangan, begitu juga ahli keluarga anda atau sesiapa yang tinggal dalam rumah anda. Anda juga dilarang memberi orang lain maklumat bukan awam yang penting mengenai Air Products atau syarikat lain. Memberi maklumat sedemikian kepada orang lain merupakan "tip" yang menyalahi undang-undang dan boleh mengakibatkan liabiliti sivil atau jenayah.

## **12. Maklumat Sulit dan Hak milik**

Anda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit dan hak milik Syarikat yang merangkumi sebarang maklumat yang tidak diketahui oleh umum dan yang berguna atau boleh membantu pesaing atau pihak-pihak bertentangan yang lain. Maklumat sulit boleh merangkumi pangkalan data jualan, pemasaran dan pangkalan data korporat lain; strategi dan pelan harta intelektual; strategi dan pelan pemasaran; maklumat harga; maklumat jualan; maklumat kewangan bukan awam; rekod pelanggan dan pekerja; teknik pembuatan, harga pembekal, data dan lukisan kejuruteraan, data penyelidikan dan teknikal dan maklumat mengenai pembangunan produk baru. Jika anda mempunyai akses kepada maklumat sedemikian tentang Syarikat atau pelanggan, pembekal atau rakan perniagaan lain kita, anda hanya boleh mendedahkannya kepada orang lain dalam Syarikat dan mereka yang "perlu mengetahui" maklumat tersebut. Untuk melindungi hak kita, sebarang penggunaan harta intelek hendaklah selaras dengan semua keperluan undang-undang yang berkaitan.

Kita bekerja menggunakan pelbagai maklumat sulit dan proprietari pihak ketiga, seperti maklumat pelanggan, pembekal, rakan usaha sama dan sekutu lain. Menyalahgunakan maklumat pihak ketiga boleh menjelaskan hubungan perniagaan Syarikat dan mendedahkan Syarikat dan pekerja kita kepada risiko undang-undang dan kewangan yang besar. Jika anda mempunyai akses kepada maklumat sebegini, anda perlu menandatangani perjanjian ketakdedahan atau kerahsiaan yang diluluskan oleh ketua perniagaan yang bersesuaian, dan mesti mematuhi semua termanya.

## **13. Aset Syarikat**

Anda hendaklah menggunakan sumber Syarikat hanya untuk tujuan perniagaan yang sah dan melindunginya daripada kecurian, kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan. Laporkan segera sebarang penipuan, kecurian, pelanggaran keselamatan yang disyaki, atau penggunaan aset Syarikat yang tidak wajar oleh pihak lain. Sekiranya anda tersalah letak atau kehilangan mana-mana peranti yang mempunyai data Syarikat di dalamnya, anda perlu melaporkan kehilangan tersebut dengan segera.

Anda dikehendaki untuk melindungi semua aset fizikal kita, seperti kemudahan, bekalan, peralatan, jentera, alat ganti, bahan mentah, produk siap, kenderaan dan dana Syarikat. Jangan mencuri aset Syarikat atau menggunakan harta, maklumat atau kedudukan Syarikat untuk keuntungan peribadi atau keuntungan peribadi mana-mana saudara, rakan atau rakan sekutu anda. Sebagai tambahan, anda dilarang bersaing dengan syarikat untuk peluang perniagaan dan mengambil sebarang peluang yang ditemui melalui penggunaan harta korporat, maklumat atau kedudukan anda untuk diri sendiri.

Lindungi aset elektronik dan aset tidak ketara Syarikat, iaitu masa, maklumat sulit, harta intelektual dan sistem maklumat. Layan setiap e-mel, pautan Internet, lampiran atau permintaan maklumat (sama ada secara elektronik, langsung, atau melalui telefon) dengan berhati-hati. Jangan kongsi kata laluan rangkaian atau kata laluan peribadi anda, memberi maklumat sensitif dalam talian atau dalam e-mel, atau mengklik pautan dalam e-mel yang tidak disahkan. Pastikan anda membuat semakan semula untuk mengesahkan identiti sebenar mereka yang meminta maklumat.

## **14. Pengurusan Rekod**

Rekod syarikat merupakan aset korporat yang penting. Fahami cara untuk mengklasifikasikan maklumat yang anda kendalikan dan uruskannya mengikut dasar Syarikat serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Pastikan anda memahami dan mematuhi jadual penyimpanan rekod Syarikat dan mengekalkan dokumen yang berkaitan dengan litigasi yang berpotensi atau belum selesai, apabila diarahkan untuk berbuat demikian. Dasar ini dikenakan kepada salinan cetak dan dokumen elektronik serta e-mel. Rujuk kepada pengurus atau ketua penerangan jabatan anda untuk panduan jika anda tidak pasti tentang cara untuk menguruskan rekod atau dokumen anda.

## **15. Berkomunikasi dengan Berhati-hati**

Peralatan, sistem, maklumat, barang dan perkhidmatan Syarikat hendaklah digunakan untuk urusan perniagaan Syarikat sahaja. Ia termasuk e-mel, pesanan segera dan Internet. Penggunaan aset atau maklumat Syarikat untuk keuntungan peribadi adalah dilarang.

Urusan perniagaan dan komunikasi Syarikat hendaklah dilakukan melalui Rangkaian Air Products sahaja. Jangan gunakan alamat e-mel peribadi untuk menjalankan perniagaan Syarikat atau untuk menghantar, menyampaikan atau menerima maklumat Syarikat tanpa kelulusan awal daripada Jabatan IT.

Sila berhati-hati bahawa apa-apa yang anda tulis, hantar, muat turun atau simpan dalam sistem kita adalah milik Syarikat, dan kami boleh memantau penggunaan anda pada sistem sedemikian. Oleh itu, anda tidak seharusnya menjangka privasi peribadi apabila menggunakan sistem kami. Syarikat berhak untuk memantau e-mel dan mesej mel suara dan penggunaan Internet, dan untuk mengakses dan memeriksa mana-mana dan semua fail yang disimpan pada komputer yang disediakan oleh Syarikat, telefon pintar dan peranti lain yang sama, media boleh alih dan rangkaian Syarikat. ID pengguna dan kata laluan hendaklah digunakan untuk tujuan keselamatan dan pengenalpastian serta pengesahan pekerja sahaja, dan tidak memberikan sebarang hak kerahsiaan atau privasi kepada mana-mana pekerja atau menghalang Syarikat untuk mengakses sistem.

Semua dokumen dan komunikasi yang dibuat oleh pekerja Syarikat melalui Rangkaian Air Products atau berkaitan dengan perniagaan Syarikat boleh dianggap sebagai rekod korporat yang tertakluk kepada pengeluaran dan semakan di mahkamah undang-undang. Oleh itu, penting untuk anda bertindak secara profesional dalam semua komunikasi dan mempertimbangkan tujuan dan konteks anda apabila menyediakan dokumen. Elakkan perkataan yang mengelirukan atau tidak senonoh, memalukan penerima, keterlaluan atau penyifatan yang tidak sesuai. Elakkan cubaan humor atau sindiran yang boleh disalah tafsir apabila dikaji semula oleh perniagaan, pengawal selia kerajaan, pihak lawan dalam litigasi atau mahkamah.

## **16. Privasi**

Semasa menjalankan perniagaan, Syarikat mengumpul dan menyimpan maklumat peribadi tentang pekerja, rakan niaga, pelanggan dan lain-lain seperti tarikh lahir, alamat maklumat kewangan, perubatan serta maklumat lain. Syarikat perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang diguna pakai. Maklumat peribadi harus dikumpul untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja, dikongsi dengan mereka yang diberi akses kebenaran, dilindungi bersesuaian dengan dasar keselamatan dan disimpan selama yang diperlukan sahaja. Pihak ketiga dengan akses kepada maklumat peribadi mempunyai kewajipan berkontrak untuk melindunginya.

Syarikat perlu mematuhi semua undang-undang yang mengawal pengintipan dawai dan bentuk pengawasan elektronik yang lain. Anda tidak boleh menggunakan mana-mana alat elektronik, mekanikal atau lain-lain untuk memintas atau merakam kandungan mana-mana komunikasi telefon, faksimile, penghantaran melalui modem, e-mel atau komunikasi elektronik lain, melainkan semua pihak dalam komunikasi tersebut bersetuju dengan pemintasan atau rakaman. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sambungan telefon untuk mendengar perbualan individu lain. Anda tidak boleh menggunakan atau mendedahkan komunikasi yang telah dipintas atau dirakam sebagai pelanggaran syarat ini, tanpa mengira sama ada anda bertanggungjawab di atas pemintasan atau rakaman komunikasi tersebut.

Jangan menggunakan mana-mana alatan di harta tanah Syarikat atau yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat untuk membuat sebarang rakaman suara, fotografi atau rakaman video lain bagi orang lain, tanpa kebenaran Kumpulan Perundangan, melainkan semua orang yang dirakam mengetahui tentang rakaman tersebut dan memberi persetujuan kepadanya.

## **17. Sumbangan Politik dan Melobi**

Air Products and Chemicals, Inc., sebagai entiti yang sah, tidak membuat sumbangan politik korporat kepada calon di mana-mana negara atau rantaui, walaupun diizinkan oleh undang-undang. Anda bebas untuk memberi sumbangan peribadi kepada mana-mana pihak atau calon atas nama anda tetapi anda tidak boleh menggunakan dana Syarikat atau mendapatkan pembayaran balik. Walau bagaimanapun, dengan berbuat demikian, anda perlu mematuhi undang-undang berkaitan yang mengawal penglibatan dalam hal ehwal politik. Anda tidak boleh melobi, memberikan hadiah, atau cuba mempengaruhi tindakan pegawai kerajaan mengenai undang-undang atau keputusan dasar yang lain mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat, kecuali tindakan tersebut diluluskan terlebih dahulu oleh Kumpulan Perundangan dan/atau Hubungan Kerajaan.

## **18. Media Sosial dan Komunikasi Awam**

Apabila menggunakan media sosial dan berkomunikasi dengan orang ramai, gunakan pertimbangan dan akal yang baik. Anda tidak boleh mendedahkan maklumat sulit Syarikat atau pekerja, subsidiari, sekutu, pelanggan, pembekal atau rakan perniagaan lain dalam media sosial peribadi anda, kiriman dalam talian lain atau komunikasi awam. Anda tidak dibenarkan bersuara bagi pihak Syarikat kecuali dibenarkan untuk melakukannya. Anda tidak boleh melakukan apa-apa yang menyalahi undang-undang, melanggar Kod ini, atau memalukan anda atau Syarikat.

Sekiranya anda diminta untuk berkomunikasi secara terbuka bagi pihak atau dengan merujuk kepada Air Products, berunding dengan pengurus anda, yang harus menyemak komunikasi dengan Komunikasi Korporat atau Kumpulan Undang-undang.

Untuk maklumat lebih lanjut, rujuk Dasar Media Sosial Global untuk Semua Pekerja Air Products, Standard 01-10.

## **19. Peluang Pekerjaan Saksama dan Pencegahan Gangguan**

Pekerja kami adalah aset kami yang paling berharga. Kami amat percaya kepada nilai kepelbagaian dalam tenaga kerja dan melarang diskriminasi berdasarkan bangsa, warna, etnik, negara asal, jantina, agama, orientasi seksual, identiti jantina, status perkahwinan atau ketidakupayaan. Dalam semua operasi dan amalan pekerjaan kami, kami mematuhi undang-undang terpakai yang mentadbir peluang pekerjaan yang saksama untuk merekrut, melantik, melatih dan memajukan calon yang paling berkelayakan, tanpa mengira ciri-ciri peribadi. Membuat keputusan pekerjaan berdasarkan sebarang ciri peribadi adalah bercanggah dengan dasar kami dan menyalahi undang-undang di kebanyakan negara. Jika anda mengetahui tentang pelanggaran dasar ini, maklumkannya dengan segera kepada pengurus atau wakil Sumber Manusia yang sesuai. Anda juga boleh melaporkan pelanggaran atau kebimbangan lain melalui IntegrityLine atau IntegrityOnline. Peluang saksama adalah sebahagian daripada tempat kerja kita yang berhemah, dan keputusan berkaitan pekerjaan tidak akan pernah dibuat berdasarkan umur, jantina, bangsa, warna, agama, negara asal, orientasi seksual, identiti jantina, status perkahwinan, ketidakupayaan, atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan.

Semua kakitangan Syarikat dikehendaki melayan rakan sekerja dan orang lain dengan bermaruah dan rasa hormat. Syarikat tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan, termasuk gangguan seksual ke atas pekerja kita oleh sesiapa sahaja, termasuk ahli pihak pengurusan. Gangguan adalah kelakuan yang tidak diingini dan menyenggung perasaan serta boleh mengganggu keupayaan seseorang untuk melaksanakan tugasnya. Gangguan tidak memerlukan niat untuk menyenggung perasaan. Tingkah laku tidak sesuai yang dimaksudkan sebagai jenaka, gurauan, bahkan pujian boleh menyebabkan atau menyumbang kepada gangguan. Gangguan yang melanggar dasar ini, dalam apa-apa bentuk dan apa-apa peringkat, tidak akan diterima dan akan mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk kemungkinan penamatkan pekerjaan. Semua aduan akan disiasat dengan segera dan teliti. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk penganiayaan atau gangguan, termasuk gangguan seksual atau perkauman, atau tindakan yang menakutkan, mendiskriminasi atau menyenggung perasaan.

Anda perlu merujuk kepada semua dasar, piawaian, garis panduan dan prosedur serantau yang berkaitan dengan persekitaran kerja dan sifat hormat-menghormati di tempat kerja. Ikuti perkembangan terkini mengenai latihan Syarikat berkenaan aspek kepelbagaian dan penyertaan, antigangguan, dan kursus-kursus lain mengenai persekitaran kerja. Tindakan balas atau diskriminasi terhadap seseorang kerana melaporkan gangguan atau bekerjasama dalam siasatan juga merupakan pelanggaran dasar ini.

## **20. Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan**

Komitmen kami terhadap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar adalah tetap. Setiap hari kami berdedikasi untuk meningkatkan prestasi keselamatan kami di seluruh dunia. Kami berusaha untuk mengelakkan kecederaan, mencegah kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan dan mengurangkan sisa dan pelepasan di kemudahan kita.

Anda perlu mematuhi semua undang-undang dan piawaian industri berkaitan yang berkenaan dengan perlindungan kesihatan, keselamatan, dan keselamatan pekerja kita di tempat kerja dan orang lain yang terlibat dengan aktiviti perniagaan kita, termasuk pencegahan pencemaran alam sekitar. Anda perlu mematuhi semua dasar, standard dan prosedur Syarikat berkenaan Alam Sekitar, Kesihatan, Keselamatan (EH&S) dan Kelestarian serta mengambil bahagian dalam semua latihan yang diperlukan. Syarikat berhak untuk mengambil tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk pemecatan, kerana mengabaikan dasar dan prosedur keselamatan atau menyahaktifkan atau memintas sistem keselamatan kami.

Pengurus anda, bahagian EH&S dan Sumber Manusia boleh membantu anda memahami sebarang dasar yang berkaitan dengan tapak atau peranan anda. Pastikan anda proaktif dalam menyelesaikan sebarang keadaan yang mungkin menimbulkan sebarang insiden kesihatan atau keselamatan yang teruk. Laporkan sebarang insiden atau keadaan kesihatan atau keselamatan yang teruk, termasuk peralatan atau jentera yang rosak dan kemalangan kepada orang yang bertanggungjawab untuk keselamatan di setiap kemudahan atau Ketua Pegawai Pematuhan.

Oleh kerana kita mengeluarkan dan mengangkut produk yang boleh menyebabkan kemudaratian jika digunakan oleh orang yang berniat jahat, keselamatan adalah keutamaan bagi Syarikat. Semua pekerja, pelawat dan tetamu dikehendaki mematuhi semua dasar, piawaian dan prosedur keselamatan di tapak kita, tanpa pengecualian. Jika anda mempunyai sebarang keimbangan atau rasa curiga berkenaan aspek keselamatan, maklumkan Keselamatan Korporat.

## **21. Keganasan di Tempat Kerja**

Syarikat mengekalkan dasar toleransi sifar terhadap keganasan di tempat kerja. Anda dilarang daripada terlibat dalam sebarang tindakan yang boleh menyebabkan individu lain berasa terancam atau tidak selamat. Ini termasuk serangan lisan, ancaman atau sebarang pernyataan yang bersifat permusuhan, intimidasi atau pencerobohan. Kami mlarang senjata di semua harta tanah Syarikat, selaras dengan undang-undang tempatan. Sekiranya anda bimbang seseorang mungkin mempunyai senjata di premis kita, laporkan dengan segera kepada pengurus anda atau ahli Pasukan Perlindungan Aset Global. Selain itu, laporkan sebarang masalah luaran yang mengemukakan ancaman keselamatan atau perlindungan di tempat kerja.

## **22. Penyalahgunaan Bahan**

Anda dikehendaki melaksanakan tugas-tugas pekerjaan anda bebas daripada pengaruh sebarang bahan yang boleh mengganggu prestasi kerja dan/atau menimbulkan risiko keselamatan yang tidak boleh diterima ke atas diri anda dan orang lain. Anda dilarang (1) bekerja di bawah pengaruh alkohol, dadah haram atau bahan terkawal di dalam atau di luar premis Syarikat; (2) memiliki, menjual, menggunakan, memindahkan atau mengedar dadah haram atau bahan terkawal (selain daripada yang ditetapkan oleh doktor anda dan mengikut dasar terpakai) semasa bekerja atau berada di premis Syarikat; atau (3) bekerja semasa terjejas oleh ubat preskripsi yang sah atau ubat tanpa preskripsi doktor (semasa di dalam atau di luar premis Syarikat). Jika anda mempunyai masalah penyalahgunaan dadah atau alkohol, anda amat digalakkan untuk mendapatkan bantuan dan menghubungi bahagian Sumber Manusia untuk mendapatkan maklumat mengenai program bantuan di rantau anda.

Terdapat ketika apabila meminum minuman alkohol semasa menjalankan perniagaan Syarikat adalah dibenarkan, seperti dalam persekitaran sosial tetapi pastikan anda mematuhi semua undang-undang dan dasar Syarikat. Sentiasa amalkan kesederhanaan dan pertimbangan yang baik.

## **23. Kelestarian dan Tanggungjawab Sosial Korporat**

Syarikat ini berusaha untuk mewujudkan nilai berkekalan melalui pengawasan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan korporat, dan penyelesaian inovatif untuk keperluan tenaga, alam sekitar dan pasaran baru. Biasakan diri anda dengan matlamat kelestarian Air Products. Ia merupakan tanggungjawab semua individu untuk memajukan Syarikat ke arah matlamat ini dengan memupuk produk dan operasi yang lestari. Pembekal kami diharapkan dapat memenuhi jangkaan kelestarian kami.

Jika anda mengetahui tentang sebarang isu etika dan pematuhan yang berkaitan dengan kelestarian, ikut prosedur "Laporan Pelanggaran" yang dinyatakan di atas atau hubungi Kumpulan Perundangan.

## **24. Audit dan Penyiasatan**

Semasa bekerja dengan Syarikat, anda mungkin diminta untuk mengambil bahagian dalam audit atau penyiasatan dalaman yang dijalankan oleh juruaudit dalaman kita, juruaudit luar, atau Kumpulan Perundangan. Apabila ini berlaku, anda hendaklah bekerjasama sepenuhnya dan berkomunikasi dengan jujur. Anda juga mungkin menerima permintaan untuk dokumen atau permintaan untuk bertemu dengan pengawal selia atau peguam berkaitan dengan prosiding undang-undang atau siasatan kerajaan. Jika anda menerima permintaan sedemikian, sila hubungi Kumpulan Perundangan dengan segera untuk bantuan.

## **25. Antitindakan Balas**

Syarikat melarang tindakan balas oleh mana-mana pekerja terhadap seseorang individu yang melaporkan pelanggaran undang-undang atau dasar Syarikat dengan jujur, yang bekerjasama dalam audit atau penyiasatan untuk kemungkinan pelanggaran undang-undang atau dasar Syarikat, atau yang membantah atau enggan mengambil bahagian dalam aktiviti yang dipercayai dengan munasabah sebagai melanggar undang-undang atau dasar Syarikat. Bentuk tindakan balas yang dilarang termasuk, sebagai contoh, penamatian pekerjaan, penurunan pangkat, menurunkan penarafan prestasi pekerja, mengehadkan peluang pekerja untuk tugas atau kemajuan, menyisihkan pekerja dari acara korporat atau jabatan, atau mengancam untuk mengambil sebarang tindakan teruk.

Mana-mana pekerja yang melakukan tindak balas dendam seperti yang dijelaskan di atas adalah tertakluk kepada hukuman tatatertib, sehingga dan termasuk pemecatan. Individu yang terlibat dalam membuat laporan yang melulu atau berniat jahat dengan pengetahuan bahawa insiden yang dilaporkan tidak mempunyai asas faktual akan tertakluk kepada proses disiplin yang sesuai dan terpakai, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan.

## **26. Tanggungjawab Lembaga dan Pengecualian**

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Kod ini dan mempunyai kuasa eksklusif untuk meminda Kod. Dalam keadaan yang jarang berlaku, Ketua Pegawai Pematuhan boleh menentukan sama ada wajar untuk mengetepikan sebahagian daripada Kod ini; walau bagaimanapun, sebarang penepian penggunaan Kod ini yang akan diguna pakai untuk pegawai eksekutif atau pengarah hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat dan Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah. Semua penepian sedemikian akan didedahkan dengan segera dan apabila diperlukan oleh undang-undang dan standard penyenaraian Bursa Saham New York.

---

Argentina	0800-444-8089
Belgium	0800-7-1658
Brazil	0800-891-4169
Chile (AT&T)	171 00 311
Chile (AT&T - Pengendali Sepanyol)	171 00 312
Chile (AT&T)	800-225-288
Chile (Telefonica)	800-800-288
Chile (ENTEL)	800-360-311
Chile (ENTEL - Pengendali Sepanyol)	800-360-312
Chile (Pulau Easter)	800-800-311
Chile (Pulau Easter - Pengendali Sepanyol)	800-800-312
Chile (Dial Segera Bahasa Inggeris)	855-225-7066
China (Selatan) China Netcom Group	10-800-711-0635
China (Utara) China Telecom South	10-800-110-0581
Colombia	01-800-911-0010
Colombia (Pengendali Sepanyol)	01-800-911-0011
Colombia (Dial Segera Bahasa Inggeris)	855-225-7066
Republik Czech	800-142-716
Ecuador	1-800-225-528
Ecuador (Pengendali Sepanyol)	1-999-119
Ecuador (Dial Segera Bahasa Inggeris)	855-225-7066
Perancis	0800-90-0198
Jerman	0800-183-0860
Indonesia	001-803-1-008-3251
India	000 800 919 1205
Itali	800-788319
Japun	0034-800-900066
Japun	00531-11-4454
Japun	0044-22-11-2562
Japun	0066-33-830191
Korea Selatan	00798-1-1-005-6156
Malaysia	1-800-81-2303
Belanda	0800-022-0720
Oman	800 50050
Peru (Telephonica - Pengendali Sepanyol)	0-800-50-000
Peru (Telephonica)	0-800-50-288
Peru (Americatel)	0-800-70-088
Peru (Dial Segera Bahasa Inggeris)	855-225-7066
Poland	0-0-800-111-1582
Portugal	800-8-11604
Rusia	8 (800) 301-45-91
Arab Saudi	800 850 0096
Sepanyol	900-97-1039
Taiwan	00801-10-4062
United Kingdom (& Ireland Utara)	0808-234-6711
Amerika Syarikat & Kanada	1-877-272-9726
Uzbekistan	0^641-744-0010

---



IntegrityLine:

IntegrityOnline:

[airproducts.com/integrityonline](http://airproducts.com/integrityonline)



Air Products menyediakan sumber untuk melaporkan pelanggaran Tatakelakuan atau pelanggaran yang disyaki atau menyampaikan kebimbangan. Undang-undang di sesetengah negara menetapkan atau mengehadkan proses, alat dan/atau kategori yang dibenarkan untuk melaporkan pelanggaran Tatakelakuan. Sila gunakan sumber yang disediakan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan.

Senarai hubungan boleh ditemui di [www.airproducts.com/codeofconduct](http://www.airproducts.com/codeofconduct).

Laporan dalam talian tersedia di [www.airproducts.com/integrityonline](http://www.airproducts.com/integrityonline).

Arahan laporan melalui telefon dijelaskan di [www.airproducts.com/integrityline](http://www.airproducts.com/integrityline).

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut,  
sila hubungi kami di:**

**Corporate Headquarters**

Air Products and Chemicals, Inc.

1940 Air Products Blvd.

Allentown, PA 18106-5500

T 610-481-4911

(Di luar A.S. dan Kanada

+1-610-481-6799)



**tell me more**  
[airproducts.com](http://airproducts.com)